

Hari 01 | Perkahwinan di Tadjikistan

Impian kosong seorang Wanita Muslim



Malam ini, Sharif, seorang peniaga yang dihormati akan menziarahi keluarga Nazira. Semasa dia menelefon, dia mengatakan bahawa dia ingin berbincang dengan ayah

Nazira tentang kereta baru, tetapi Nazira tahu sebab yang sebenarnya dia akan datang melawat. Nazira sudah meningkat umur 24 tahun dan masih bujang. Keluarganya telah lama berusaha mencari seorang suami bagi dia, akan tetapi, ini bukan tugas yang senang. Contohnya, Farud, yang mahu mengahwininya tiga bulan yang lalu, seorang kaki botol, seperti kebanyakan orang di Tadjikistan.

Hari menjelang petang dan Sharif datang melawat keluarga Nazira. Sejak perang saudara pada tahun 1990-an, negara Asia Tengah ini dalam

proses pemulihan dan bidang perniagaan sedan berkembang. Sharif seorang yang kaya. Rumahnya mempunyai saluran air dan tenaga elektrik, dan dia memandu sebuah kereta buatan Jerman. Di Tadjikistan, pendapatan purata merupakan lebih kurang 250 Euro setiap orang, tetapi Sharif tidak termasuk dalam golongan itu. Dia sudah mempunyai dua orang isteri dan Nazira akan menjadi isterinya yang ketiga. Memang jelas bahawa Sharif merupakan calon yang baik untuk menjadi suami Nazira. Dengan cepatnya ibubapa Nazira menerima pinang Sharif



Hari 01 | Perkahwinan di Tadjikistan

dan menguruskan segalanya. Upacara perkahwinan akan berlangsung dalam masa dua minggu. Semua orang puas hati, namun Nazira menyedari bahawa ada di antara impian-impian manisnya yang tidak akan tercapai.

Dianggarkan bahawa terdapat sekitar satu juta pekerja berbangsa Tadjikistan di negara Rusia. Bilangan penduduk di Tadjikistan hanya tujuh juta, jadi ini bererti satu peratusan tinggi penduduk lelaki tidak berada di rumah. Majoriti penduduk Tadjikistan sekarang adalah wanita dan kanak-kanak. Di kawasan

perkampungan, kaum wanita hidup dalam suasana penuh ketegangan di antara tradisi-tradisi lama, ateisme, dan satu gerakan baru Islam radikal.

Bilangan orang-orang Tadjikistan yang percaya memang sedikit sahaja walaupun pada waktu di mana mereka bebas berpegang kepada agama masing-masing. Kini, kerisauan tentang agama Islam radikal menyebabkan undang-undang baru yang menghadkan hak-hak kumpulan-kumpulan agama yang kecil. Undang-undang ini juga memberi

kesan kepada orang-orang Kristian.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah bagi keluarga-keluarga yang semakin sihat dan mementingkan Alkitab di kalangan pengikut-pengikut Yesus di dalam negara ini.*
- *Berdoalah bagi ramai orang lelaki Tadjik yang bekerja di negara-negara jiran agar mereka akan dijangkau dengan Berita Baik.*



➤ *Berdoalah agar orang-orang Tadjikistan yang percaya dapat memperkembangkan cara penyembahan dalam gaya dan bahasa mereka sendiri.*

BILANGAN ISTERI YANG TERHAD

Muhammad telah menghadkan bilangan isteri di dalam suatu perkahwinan Islam kepada hanya empat sahaja.

Sebelumnya terdapat beberapa orang lelaki yang telah mengahwini lebih daripada apa yang dapat ditanggung mereka secara kewangan. Menurut ahli-ahli ilmuwan Islam, wanita dilayan dengan lebih baik di negara Arab selepas kemajuan Islam berbanding dengan sebelumnya. Islam mengakui bahawa kaum lelaki mempunyai kelemahan dalam hal seks. Kebebasan untuk mempunyai empat orang isteri dianggap sebagai cara unduk menghadkan keberahian kaum lelaki dan ini membawa kestabilan kepada masyarakat.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

